

**NO. SOALAN: 477**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]**

**RUJUKAN : 8752**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan nama kumpulan-kumpulan pelampau  
agama dalam negara serta jumlah Warganegara Malaysia yang  
dikenal pasti menjadi anggota IS di luar negara.**

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis telah berjaya mengesan sebanyak 8 kumpulan pelampau agama atau ajaran sesat di negara ini yang mempunyai elemen militan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 kumpulan telah dikenakan tindakan undang-undang manakala 2 kumpulan lagi masih aktif dan dalam pemantauan pihak berkuasa.**

**Berhubung dengan penglibatan rakyat Malaysia dengan kumpulan Daesh di luar negara pula sehingga 17 Mac 2016, seramai 72 orang telah dikenalpasti oleh pihak polis.**